

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 DISEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7

Kadar pengangguran menurun

Kadar pengangguran menurun

Kuala Lumpur: Pengangguran dalam negara turun ke paras terendah sejak pandemik Covid-19 dengan merekodkan 602,000 orang pada Oktober berbanding 605,000 orang pada September lepas, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, kadar pengangguran pada Oktober pula kekal pada 3.6 peratus iaitu 0.3 peratus lebih tinggi berbanding paras prapandemik pada Februari 2020 sebanyak 3.3 peratus.

Beliau berkata, bilangan tenaga buruh terus meningkat pada Oktober dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.68 juta orang berbanding September iaitu 16.66 juta orang manakala Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal

69.7 peratus.

“Prestasi tenaga buruh yang optimistik pada Oktober 2022 mencerminkan asas ekonomi negara stabil, hasil daripada aktiviti ekonomi dan sosial berterusan.

“Ini ditambah dengan sokongan polisi berterusan bagi mengatasi kesan peningkatan kos

sara hidup dan mengurangkan risiko negatif berkaitan dengan pergolakan geopolitik yang berlarutan

dan mengukuhkan kedudukan kewangan luar,” katanya.

Mengenai kedudukan guna tenaga, Mohd Uzir berkata, kategori pekerja menjadi komposisi terbesar daripada jumlah penduduk bekerja iaitu 75.9 peratus, dengan 12.20 juta orang direkodkan pada Oktober berbanding 12.18 juta orang bulan sebelumnya.

“**Prestasi tenaga buruh pada Oktober 2022 mencerminkan asas ekonomi negara stabil**”
Dr Mohd Uzir